

## **Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Pertuturan Murid-Murid Asli Suku Kaum Temuan ketika Pembelajaran Bahasa Melayu**

### **The Influence of the Mother Tongue in the Speech of Native Pupils of the Temuan Tribe when Learning the Malay Language**

Faridah Nazir

Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,  
Hub Pendidikan Pagoh, Muar, Johor, Malaysia

Submitted: 4/11/2022. Revised edition: 26/2/2023. Accepted: 17/5/2023. Published online: 7/6/2023

#### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk meneliti pengaruh bahasa ibunda dalam pertuturan murid- murid suku kaum Temuan di Sekolah Kebangsaan Tekir, Labu, Negeri Sembilan ketika pembelajaran bahasa Melayu dijalankan. Kaedah kajian yang digunakan adalah rakaman spontan dan catatan terhadap pertuturan 11 orang murid di Tahun 6 untuk mengenal pasti pengaruh bahasa ibunda dalam pertuturan murid ketika sesi perbincangan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu. Kaedah lain yang digunakan adalah borang soal selidik yang diedarkan kepada 24 orang murid di Tahun 2 hingga 6 untuk mengenal pasti aspek-aspek ekstralinguistik yang mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan murid-murid Temuan dalam pertuturan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga pengaruh bahasa ibunda yang terdapat dalam pertuturan murid, iaitu kelainan bunyi, unsur dialek / bahasa lain dan fenomena campur kod bahasa Temuan dan bahasa Melayu pada peringkat perkataan dan frasa. Aspek-aspek ekstralinguistik yang mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda dalam pertuturan murid-murid Temuan pula ialah umur, jantina, kumpulan etnik dan kefasihan murid-murid berbahasa Melayu.

*Kata kunci:* Bahasa Ibunda, Suku Kaum Temuan, Sesi Perbincangan, Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu, Ekstralinguistik

#### **ABSTRACT**

This study was conducted to examine the influence of the mother tongue on the speech of students of the Temuan tribe at Tekir Kebangsaan School, Labu, Negeri Sembilan when learning the Malay language. The research method used is the spontaneous recording and notes of the speech of 11 students in Year 6 to identify the influence of the mother tongue in the students' speech during the discussion session in the teaching and learning (PdP) of the Malay language. Another method used was a questionnaire that was distributed to 24 students in years 2 to 6 to identify the extralinguistic aspects that influence the use of the mother tongue among the students. The findings of the study show that there are three influences of the mother tongue found in the student's speech, namely sound abnormalities, elements of dialects / other languages, and the phenomenon of code-mixing between the Temuan language and the Malay language at the level of words and phrases. Extralinguistic aspects influence the use of the mother tongue in the students' speech. The findings are the age, gender, ethnic group, and fluency of the students in Malay.

*Keywords:* Mother Tongue, Discovery Tribes, Discussion Session, Teaching and Learning Malay, Extralinguistics

## PENDAHULUAN

Malaysia ialah sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum dan bersifat multilingual. Tiga golongan kaum yang utama di Malaysia ialah Melayu, Cina dan India yang dapat menuturkan pelbagai bahasa dan dialek seperti bahasa Melayu, Inggeris, Tamil, Mandarin, Kantonis, Hokkien, Hakka, Hainan, Teochew dan sebagainya. Selain tiga golongan kaum utama tersebut, Malaysia turut dihuni oleh golongan bumiputera di Sabah dan Sarawak dan suku kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Menurut Asmah (1992), jumlah bahasa yang dituturkan oleh rakyat Malaysia dianggarkan sebanyak 80 jenis yang merangkumi bahasa Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan bahasa golongan bumiputera di Sabah dan Sarawak.

“Orang Asli” bermaksud orang asal atau yang mula-mula mendiami sesuatu tempat. Suku kaum asli di Semenanjung Malaysia ialah kumpulan minoriti dalam kalangan masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum. Mereka terdiri daripada dua puluh lima suku kaum seperti Negrito, Melayu Proto, Senoi, Semelai, Temuan dan sebagainya yang mempunyai bahasa, budaya, sistem ekonomi, agama dan organisasi sosial tersendiri. (Dentan, Endicott, Gomes dan Hooker, 1997).

Suku kaum Temuan di Semenanjung Malaysia berjumlah 27590 orang (Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), 2022) yang meliputi negeri-negeri di Johor (762 orang), Kelantan (16 orang), Melaka (1427 orang), Negeri Sembilan (7884 orang), Pahang (5220 orang), Perak (225 orang), Selangor (12055 orang) dan Terengganu (1 orang). Perkataan Temuan berasal daripada perkataan temu, iaitu pertemuan semua laluan dan gunung- ganang di hutan. Suku kaum Temuan ini berasal dari suku kaum asli yang sama di Sumatera dan Kepulauan Jawa yang berhijrah ke negara kita. Suku kaum Temuan bertutur dalam bahasa Temuan yang mempunyai sedikit pengaruh bahasa yang digunakan di Jambi, Sumatera. Namun, hal ini menunjukkan perbezaan daripada bahasa yang digunakan oleh Orang Asli suku kaum Negrito dan Senoi yang mempunyai persamaan dengan bahasa suku kaum asli di Burma, Thailand dan Indo China (Nicholas, 2010).

## PERNYATAAN MASALAH

Matlamat kerajaan Malaysia menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sepenuhnya daripada peringkat pengajian dasar hingga ke peringkat pengajian tinggi, jelas terlaksana secara menyeluruh mulai Tahun 1983. Walaupun penggunaan bahasa Melayu sudah begitu meluas di dalam dan di luar sekolah, namun tanda-tanda menunjukkan bahawa sebahagian murid-murid di negara ini masih dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka khususnya masyarakat bukan Melayu (Noor Zila Md. Yusuf *et al.*, 2018).

Kepelbagaian bahasa yang wujud di Malaysia telah mewujudkan masyarakat yang dwibahasa (bilingual) atau lebih (multilingual). Perkara ini turut mempengaruhi pertuturan murid-murid asli suku kaum Temuan. Murid-murid ini telah menguasai bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Temuan sebagai bahasa pertama, sebelum menguasai bahasa kedua, iaitu bahasa Melayu di sekolah. Secara tidak langsung, bahasa ibunda mempunyai pengaruh yang besar terhadap pertuturan murid-murid asli suku kaum Temuan ini semasa pengajaran dan pembelajaran (selepas ini PdP) bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, murid-murid suku kaum asli Temuan ini cenderung mencampurkan elemen bahasa Temuan dalam pertuturan ketika PdP Bahasa Melayu dijalankan. Perkara ini selari dengan pendapat Roksana Bibi

Abdullah (2015) yang menyatakan bahawa, pertembungan budaya dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa sering memberi kesan yang pelbagai khususnya fenomena campur kod dan alih kod dalam pertuturan.

## **DEFINISI OPERASIONAL**

Konsep yang didefinisikan di bahagian ini ialah pengaruh bahasa ibunda, suku kaum asli Temuan dan pembelajaran Bahasa Melayu.

### **Pengaruh Bahasa Ibunda**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), pengaruh ialah kuasa yang terbit daripada sesuatu atau seseorang terhadap orang lain. Bahasa ibunda pula merujuk bahasa pertama yang dipelajari bermula daripada saat seseorang dilahirkan sehinggalah ia pandai berkata-kata. Dengan kata lain, bahasa ibunda yang dipelajari daripada ibu bapa atau orang yang memelihara sejak kecil, digunakan oleh seseorang dalam komunikasi seharian (Haizah Bukari dan Norazana Awang Kechik, 2022). Maka penggunaan bahasa ibunda yang telah lazim digunakan sejak kecil tentu sahaja memberi pengaruh terhadap cara pertuturan seseorang.

Sehubungan itu, pengaruh bahasa ibunda dalam kajian ini merujuk unsur-unsur linguistik bahasa Temuan yang diserap atau dicampurkan ke dalam pertuturan murid-murid Temuan ketika sesi perbincangan PdP bahasa Melayu dijalankan. Unsur-unsur tersebut hadir dalam bentuk fonem, morfem, frasa atau sintaksis secara campur kod. Akan tetapi, definisi yang diberikan tentang campur kod sangat terhad dan kerap kali tidak dibezakan daripada alih kod dan pinjaman. Walaupun begitu, terdapat juga sebilangan pengkaji yang telah dapat memberikan definisi yang jelas dan tepat. Appel dan Muysken (1987) misalnya, menyatakan campur kod berlaku apabila sesuatu perkataan lain yang dituturkan oleh penutur dwibahasa yang fasih dalam kedua-dua bahasa tersebut. P.Balasubramaniam (1988) mendefinisikan campur kod sebagai “satu proses pemindahan unit-unit linguistik seperti imbuhan dan perkataan dari satu kod bahasa ke kod bahasa yang lain.”

Seterusnya, Bokamba (1988) pula mendefinisikan campur kod sebagai penggunaan pelbagai unit linguistik seperti frasa dan perkataan daripada dua sistem tatabahasa yang berlainan dalam satu ayat. Cozen P. (1996) juga, turut menyatakan bahawa campur kod melibatkan percampuran unsur bahasa seperti perkataan satu bahasa yang lain daripada bahasa yang sedang dituturkan. Noor Aina Dani (1998) juga, turut mendefinisikan campur kod sebagai percampuran unsur-unsur bahasa seperti klausa, frasa, perkataan, imbuhan dan kata penegas daripada kod bahasa lain ke dalam ayat sesuatu bahasa yang sedang dituturkan. Bagi kajian ini, pengkaji mendefinisikan campur kod sebagai percampuran unit linguistik seperti klausa, frasa, perkataan, imbuhan atau kata penegas sesuatu bahasa atau dialek dalam ayat sesuatu bahasa yang lain, secara bercampur aduk.

### **Suku Kaum Temuan**

Masyarakat orang Asli merupakan golongan etnik minoriti di Malaysia. Masyarakat ini terbahagi kepada tiga kelompok utama dengan 18 suku kaum. Tiga kelompok utama ialah kelompok Melayu-Proto, Senoi

dan Negrito. Setiap kelompok ini terbahagi pula kepada enam suku kaum, iaitu Melayu-Proto terdiri daripada suku Temuan, Semelai, Jakun/Temoq, orang Kanaq, orang Seletar dan orang Kuala (Sarjit S.G Gill dan Mohd. Roslan Rosnon, 2019).

Orang Asli suku kaum Temuan merupakan suku kaum Melayu Proto atau Melayu Asli yang merupakan rumpun bangsa keempat terbesar dalam kalangan Orang Asli. Orang Asli Suku Temuan turut dikenali sebagai Belandas dan Orang Dusun Tua (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia, 2022). Penempatan mereka hampir keseluruhannya terletak di negeri Selangor (kecuali daerah Kuala Langat), Melaka, Negeri Sembilan, Temerloh Pahang dan Muar Johor. Kediaman masyarakat ini terletak berdekatan kampung tradisi Melayu dan di pinggiran bandar. Selain itu, Orang Asli suku Temuan di negara ini mengamalkan adat dan tradisi yang lebih kurang sama kecuali bagi Orang Asli suku Temuan di Negeri Sembilan yang lebih menjurus kepada pengamalan adat perpatih dalam kehidupan mereka, namun tidak banyak bezanya daripada adat suku bangsa Temuan di negeri-negeri lain (Muhammad Haziq Mohd Rohir dan Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2020).

### **Pembelajaran Bahasa Melayu**

Pembelajaran merujuk proses pengumpulan maklumat dan matlamat secara berterusan yang berlaku dalam diri individu sejak dilahirkan sama ada secara disedari ataupun tidak disedari. Oleh yang demikian, pembelajaran terdiri daripada lima domain, iaitu kemahiran motor, maklumat insan, kemahiran intelektual, strategi kognitif dan sikap. Selain itu, pembelajaran juga melibatkan perubahan dan kemahiran, corak kognitif (pengetahuan dan pemahaman), motivasi dan minat serta ideologi (Linamalini Mat Nafi dan Kamarul Shukri Mat Teh, 2022).

Oleh itu, pembelajaran Bahasa Melayu pula merupakan proses pengumpulan maklumat bagi mata pelajaran Bahasa Melayu ketika PdP dijalankan. Pembelajaran Bahasa Melayu yang diberikan tumpuan dalam kajian ini adalah yang melibatkan murid-murid asli suku kaum Temuan di Sekolah Rendah Kebangsaan Tekir, Labu, Negeri Sembilan. Secara jelasnya, ketika PdP Bahasa Melayu dijalankan oleh guru, pengkaji meneliti bahasa yang digunakan oleh murid-murid asli suku kaum Temuan ini di bilik darjah.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini mengemukakan tiga objektif seperti yang berikut:

- (a) mengenal pasti pengaruh bahasa ibunda dalam pertuturan murid-murid Temuan ketika PdP Bahasa Melayu;
- (b) menganalisis bentuk campur kod antara bahasa ibunda dan bahasa Melayu dalam pertuturan murid-murid Temuan ketika PdP Bahasa Melayu;
- (c) membanding beza aspek-aspek ekstralinguistik yang menyebabkan pengaruh bahasa ibunda dalam pertuturan murid-murid Temuan ketika PdP Bahasa Melayu.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini penting kerana hasil kajian ini nanti difikirkan boleh dijadikan panduan untuk sebarang perubahan strategi PdP khususnya dalam membantu murid-murid suku kaum asli di Malaysia. Oleh itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan asas untuk menyediakan buku panduan atau rujukan untuk guru-guru bahasa yang hendak mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya di sekolah rendah yang mempunyai murid-murid yang terdiri daripada sebahagian atau seratus peratus suku kaum asli.

Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini yang menampilkan campur kod antara bahasa Melayu dan bahasa Temuan boleh memberi gambaran tentang gaya penggunaan bahasa murid-murid asli suku kaum Temuan ketika pembelajaran Bahasa Melayu. Perkara ini secara tidak langsung dapat membantu guru menyesuaikan kaedah pengajaran mereka dengan potensi murid-murid khususnya untuk mata pelajaran Bahasa Melayu.

## **BATASAN KAJIAN**

Sampel kajian ini dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu (a) 11 orang murid suku kaum asli Temuan, iaitu 6 orang murid perempuan dan 5 orang murid lelaki yang sedang belajar di Tahun 6, Sekolah Rendah Kebangsaan Tekir, Labu, Negeri Sembilan untuk mengumpulkan data tentang pengaruh bahasa ibunda yang terdapat dalam pertuturan murid-murid tersebut ketika sesi perbincangan PdP Bahasa Melayu.

Kumpulan (b) pula melibatkan 24 orang murid Tahun 2 hingga Tahun 6, iaitu 12 orang murid perempuan dan 12 orang murid lelaki untuk mengumpulkan data tentang aspek- aspek ekstralinguistik yang menyebabkan berlakunya pengaruh bahasa ibunda dalam pertuturan murid-murid Temuan.

Pengaruh bahasa ibunda dalam pembelajaran Bahasa Melayu yang hendak dikaji dibataskan kepada tiga unsur utama. Unsur pertama adalah pengaruh bahasa ibunda, iaitu bahasa Temuan dalam pertuturan murid-murid Temuan. Unsur kedua ialah bentuk- bentuk campur kod yang terdapat dalam pertuturan murid-murid Temuan manakala unsur ketiga pula ialah aspek-aspek ekstralinguistik yang menyebabkan murid-murid Temuan mencampurkan bahasa Temuan dalam pertuturan ketika PdP Bahasa Melayu.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kaedah kajian ialah cara atau teknik pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji, iaitu untuk kajian ini data lisan. Data lisan yang dikumpulkan adalah ketika pembelajaran Bahasa Melayu. Data lisan ini dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian langsung dengan dibantu oleh rakaman spontan dan catatan yang dilakukan oleh pengkaji terhadap perbualan 11 orang murid Tahun 6 ketika pembelajaran Bahasa Melayu dijalankan. Data lisan lisan ini digunakan oleh pengkaji untuk mengenal pasti pengaruh bahasa ibunda dalam pertuturan murid-murid Temuan.

Pengkaji turut mengedarkan borang soal selidik (lihat Lampiran 1) kepada 24 orang murid Tahun 2 hingga 6 yang mengandungi maklumat tentang biodata murid dan bahasayang digunakan dalam pertuturan sama ada di rumah dan di sekolah termasuk ketika PdP Bahasa Melayu dijalankan. Data

daripada borang soal selidik ini digunakan untuk mengenal pasti aspek- aspek ekstralinguistik yang menyebabkan murid-murid tersebut mencampurkan bahasa Temuan dalam pertuturan khususnya ketika PdP Bahasa Melayu dijalankan.

## TEMPAT KAJIAN

Kajian ini akan dijalankan di Sekolah Rendah Kebangsaan Tekir, Labu, Negeri Sembilan yang terletak lebih kurang 30km dari bandar Seremban. Sekolah ini merupakan salah sebuah Sekolah Kurang Murid (SKM) di Negeri Sembilan dengan majoriti muridnya ialah murid-murid asli suku kaum Temuan. Sekolah Rendah Kebangsaan Tekir ini pada awalnya telah dibina pada 13 November 1946 dengan kemudahan asas yang amat minima. Namun kini, sekolah ini telah dilengkapi kemudahan yang mencukupi.

Guru yang mengajar di sekolah ini adalah seramai 13 orang termasuk Guru Besar manakala murid di sekolah ini berjumlah 98 orang yang kesemuanya terdiri daripada suku kaum asli Temuan, namun untuk kajian ini hanya 46 murid sahaja yang terlibat (lihat Lampiran 2). Selain menguasai bahasa ibunda, iaitu bahasa Temuan, murid-murid asli suku kaum Temuan di sekolah ini juga boleh bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Melayu

## PERSAMPELAN

Populasi murid-murid di Sekolah Rendah Kebangsaan Tekir, Labu, Negeri Sembilan adalah seramai 98 orang. Namun, pengkaji telah memilih sampel kajian berdasarkan Tahun seperti dalam Jadual 1 yang berikut:

**Jadual 1** Persampelan Kajian

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan</b>
1	4
2	8
3	5
4	5
5	13
6	11
<b>Jumlah</b>	<b>46</b>

Persampelan kajian ini dilakukan oleh pengkaji dengan memilih seramai 11 sampel yang terdiri daripada murid-murid Tahun 6, iaitu 6 orang murid perempuan dan 5 orang murid lelaki untuk mengenal pasti unsur-unsur linguistik pengaruh bahasa ibunda yang terdapat dalam pertuturan murid-murid Temuan

ketika pembelajaran Bahasa Melayu.. Pengkaji turut memilih seramai 24 orang sampel yang terdiri daripada 12 orang murid perempuan dan 12 orang murid lelaki, iaitu 57% daripada populasi murid-murid di Tahun 2 hingga 6 yang berjumlah 42 orang. Persampelan ini adalah untuk mengkaji aspek-aspekstralinguistik yang menyebabkan murid-murid Temuan mencampurkan bahasa ibunda mereka dalam pertuturan khususnya ketika pembelajaran Bahasa Melayu.

## **DAPATAN KAJIAN**

Hasil daripada pengumpulan data yang dilakukan melalui kaedah rakaman spontan dan catatan didapati bahawa terdapat tiga pengaruh bahasa ibunda yang ketara dalam pertuturan murid-murid Temuan ketika perbincangan dalam PDP bahasa Melayu. Ketiga-tiga pengaruh bahasa ibunda itu adalah (a) unsur kelainan bunyi, (b) unsur dialek atau bahasa lain yang diserapkan dalam pertuturan dan (c) fenomena campur kod antara bahasa Temuan dan bahasa Melayu.

### **Unsur Kelainan Bunyi**

Unsur kelainan bunyi merujuk perkataan tertentu yang berasal daripada bahasa Melayu tetapi disebut dengan cara yang berlainan daripada perkataan asal. Hal ini berlaku kerana kebiasaan yang wujud dalam masyarakat Temuan yang menggunakan dan menyebut perkataan-perkataan tersebut seperti sebutan bahasa Temuan. Antara perkataan-perkataan yang dikenal pasti mempunyai unsur kelainan bunyi tersebut adalah akuk (aku), manipuh (menipu), malo (malu), kenak (kena), meken (makan), mengayau (merayau), jematan (jambatan), chigo (cikgu), sukak (suka), lemik (lembik), lemut (lembut), miah (merah), pades (pedas), piak (perak), sinin (sini) dan bibik (bibir).

Kelainan bunyi berlaku kerana murid-murid Temuan menambah bunyi /k/, /h/ dan /n/ di akhir perkataan yang diakhiri oleh bunyi vokal seperti akuk (aku), manipuh (menipu) dan sinin (sini). Kelainan bunyi turut berlaku kerana proses pengguguran huruf tertentu seperti pengguguran /r/ dalam perkataan miah (merah) dan piak (perak), pengguguran /b/ dalam perkataan jematan (jambatan), lemik (lembik) dan lemut (lembut).

Kelainan bunyi juga berlaku melalui proses penggantian huruf-huruf tertentu seperti /u/ kepada /o/ untuk malo (malu), /a/ kepada /e/ untuk meken (makan), /r/ ke /k/ untuk bibik (bibir), /r/ kepada /g/ untuk mengayau (merayau) dan /e/ kepada /a/ untuk pades (pedas).

### **Unsur Dialek atau Bahasa Lain**

Pertuturan murid-murid Temuan turut memperlihatkan unsur dialek dan bahasa lain yang diserapkan dalam perkataan-perkataan tertentu. Kesemua perkataan ini yang pada asalnya pinjaman telah diterima dan diasimilasikan ke dalam bahasa Temuan kerana digunakan sejak sekian lama. Unsur dialek dan bahasa lain yang dikenalpasti termasuklah unsur bahasa Indonesia untuk perkataan banget (sangat), ngak (tidak) dan khabarkan (beritahu), dialek Sarawak untuk perkataan kamik (kami), bahasa Inggeris untuk perkataan mikropon (menyanyi) dan budosa (bulldozer), bahasa Cina untuk perkataan cincai dan bahasa Melayu untuk perkataan buku hiburan (majalah hiburan).

### Campur Kod dalam Pertuturan Murid-Murid Temuan

Campur kod paling kerap dilakukan oleh murid-murid Temuan terutamanya murid-murid Tahun 4, 5 dan 6. Perkara ini berlaku kerana murid- murid tersebut telah dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik berbanding murid-murid di Tahun 2 dan 3. Penguasaan bahasa Melayu yang baik selain bahasa Temuan menyebabkan murid-murid Temuan melakukan campur kod antara bahasa Temuan dan bahasa Melayu dalam pertuturan ketika pembelajaran Bahasa Melayu dijalankan.

Sehubungan dengan itu, campur kod yang dilakukan oleh murid-murid Temuan adalah pada peringkat perkataan dan frasa sahaja. Bentuk campur kod pada peringkat perkataan didapati paling kerap dilakukan berbanding frasa. Antara contoh-contoh perkataan yang gemar dicampurkan dalam pertuturan adalah selu (geram), o-ong (kamu), cebung (pisang), inak (ibu saudara), ceperai (pucuk sayur), mamak (abang saudara), geduie (maccik), gedin (mereka), muhaie (semua), sapuio (penyapu), kemper (labi-labi), geting (binatang), hap (hilang), awang (awak), jawak (biawak), genui (nenek), nehe (ini), ajih (awak), choi-choi (tikus), kesing (keras), mui (emak), nun-nun (nakal), niam (habis), tayau (mabuk), temerang (singa), sik (tidak guna), nulih (giliran), berkoit (melekit) dan cemei (gelaran).

Kebanyakan perkataan bahasa Temuan digunakan untuk kata nama seperti inak (ibu saudara), kata ganti nama diri seperti o-ong (kamu), awang (awak) dan geding (mereka), kata penunjuk, iaitu nehe (ini), kata kerja seperti tayau (mabuk) dan kata adjektif seperti kesing (keras). Contoh-contoh frasa yang dicampurkan dalam pertuturan murid-murid Temuan pula adalah ngap apai (tidak mengapa), malia teki (mandi sungai), bi hiang (tidak kelihatan), muhaie siklah (semua tidak gunalah), geting nehe hap dah semuak (binatang ini dah hilang semua) dan badan kemper berkoit (badan labi-labi melekit). Campur kod bentuk frasa ini memperlihatkan penggunaan frasa kerja seperti malia teki, ngap apai, bi hiang, muhaie siklah, geting nehe hap dah semuak dan satu frasa adjektif, iaitu badan kemper berkoit. Contoh-contoh pengaruh bahasa ibunda dan campur kod bentuk perkataan dan frasa adalah seperti yang berikut:

- a. *Cemei tebang pokok cebung*
- b. *Inak akuk pegi kejak*
- c. *Akuk pungut pucuk ceperai*
- d. *Akuk baca buku hiburan*
- e. *O'ong pahnipu*
- f. *Mamak akuk panjat petai.*
- g. *Ninik akuk sudah pulang.*
- h. *Geduie akuk pegi ke bukit.*
- i. *Gedin sudah datang.*
- j. *Adak di sanak.*
- k. *Akuk sukak makan nasi.*
- l. *Ngap apai.*
- m. *Dah haplah.*
- n. *Akuk nak jalanlah.*
- o. *Geting itu besar.*
- p. *Aku meken kemper.*
- q. *Badan kemper berkoit.*
- v. *Sapuio umah akuk hap.*



- w. *Geduie akuk bi hiang dah.*  
 x. *Mamak akuk datang sinik.*  
 y. *Mamak akuk tayau*  
 Z. *Temerang adak dalam hutan*  
 aa. *Nasi akuk niam dah*  
 bb. *Inak akuk sukak meken pucuk ceperai.*  
 cc. *Umah akuk adak ubi galah.*  
 dd. *Akuk sukak mengayau meken cebung.*  
 ee. *Chigo adak sinik ngap apai.*  
 ff. *Aku malo mahu meken.*  
 gg. *Bibik akuk sakit kenak nyamuk.*  
 hh. *Aku selu samak o'ong.*  
 ii. *Aku selu o'ong pahnipu*  
 jj. *Akuk sukak nasik lemut.* kk. *Akuk sukak malia teki*  
 ll. *Umah akuk adak jematan* mm. *Jangan manipuh sinin* nn. *Akuk sukak mikropon* oo. *Nulih kaulah*  
 pp. *Sik lah kau mm.*  
 qq. *Muhaie siklah*  
 vv. *Geting nehe hap dah semuak*  
 ww. *Jematan adak sanak*  
 xx. *O'ong tu sukak mikropon* yy. *Adak satu o'ong pahnipu* zz. *Akuk ngak sukak nasik lemak* aaa. *Ngap apai dah lemak*  
 bbb. *Sapuio akuk warna miah* ccc. *Chigo sukak meken apak* ddd. *Sukak meken padas.*

## ASPEK-ASPEK EKSTRALINGUISTIK MURID-MURID TEMUAN

Aspek-aspek ekstralinguistik yang dikenal pasti mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan murid-murid Temuan ialah umur, jantina, kumpulan etnik dan kefasihan murid berbahasa Melayu. Didapati bahawa murid-murid di Tahun 4, 5 dan 6 kebanyakannya fasih berbahasa Melayu (BM) dan bahasa Temuan (BT) dan mereka melakukan campur kod antara BM dan BT dalam sesi perbincangan ketika PdP BM dijalankan. Walaupun terdapat seorang murid lelaki di Tahun 6 dan seorang murid perempuan di Tahun 5 yang tidak fasih berbahasa Melayu, namun kedua-dua murid ini tetap melakukan campur kod dalam sesi perbincangan. Hal ini kemungkinan disebabkan pengaruh daripada murid-murid lain yang menggunakan campur kod BM dan BT (CMT) dalam sesi perbincangan tersebut yang turut mendorong murid-murid yang tidak fasih menggunakan bentuk bahasa yang sama. Walaupun demikian, seorang murid lelaki di Tahun 5 yang tidak fasih berbahasa Melayu hanya menggunakan BT dan tidak mencampurkannya dengan bahasa Melayu. Perkara ini berlaku kerana murid ini agak pendiam dan tidak begitu gemar menggunakan BM apabila berbincang dengan rakan-rakannya.

Murid-murid perempuan Tahun 3 pula yang fasih berbahasa Melayu gemar melakukan campur kod antara BM dan BT dalam sesi perbincangan ketika PDP bahasa Melayu dijalankan. Akan tetapi, murid-murid lelaki pula tidak fasih berbahasa Melayu dan mereka didapati mengekalkan penggunaan BT dalam sesi perbincangan. Murid-murid di Tahun 2 pula kesemuanya tidak fasih berbahasa Melayu dan

menggunakan BT dalam sesi perbincangan. Hal ini menunjukkan bahawa murid-murid yang lebih muda atau yang baru mengenali alam persekolahan mempunyai penguasaan BM yang lemah dan lebih gemar menggunakan BT berbanding murid-murid di Tahun 4, 5 dan 6. Faktor kumpulan etnik yang sama, iaitu suku kaum asli Temuan turut mempengaruhi bentuk bahasa yang digunakan dalam perbincangan ketika PdP BM dijalankan. Perkara ini adalah disebabkan oleh, walaupun murid-murid di Tahun 4, 5 dan 6 sudah fasih berbahasa Melayu, mereka tidak menggunakan BM sepenuhnya dalam pertuturan tetapi mencampuradukkannya dengan BT kerana mereka berbincang sesama rakan daripada kumpulan etnik yang sama. Oleh itu, mereka lebih selesa menggunakan BM yang dicampuradukkan dengan BT atau menolak BM sama sekali khususnya dalam kalangan murid- murid di Tahun 2 dan 3.

Seterusnya, merupakan dapatan berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan kepada 24 orang murid, iaitu 4 orang masing-masing di Tahun 2, 3 dan 4 serta 6 orang masing- masing di Tahun 5 dan 6 untuk mengenal pasti aspek-aspek ekstralinguistik yang mempengaruhi pertuturan murid-murid Temuan seperti dalam Jadual 2, Jadual 3, Jadual 4, Jadual 5, dan Jadual 6.

**Jadual 2** Aspek-aspek ekstralinguistik dalam kalangan murid-murid Tahun 2 Sekolah Rendah Kebangsaan Tekir, Labu, Negeri Sembilan

Bil.	Jantina	Keturunan Bapa	Keturunan Ibu	BM*	BT*	Bahasa Sesi Perbincangan
1	L*	T*	T	TF*	F*	BT
2	L	T	T	TF	F	BT
3	P*	T	T	TF	F	BT
4	P	T	T	TF	F	BT

\* BT – Bahasa Temuan \* TF – Tidak Fasih \* T - Temuan \* P - Perempuan

\* BM – Bahasa Melayu \* F – Fasih \* L – Lelaki

Seramai 4 daripada 8 orang murid atau 50% daripada populasi murid di Tahun 2 dipilih untuk menjawab soalan di dalam borang soal selidik. Didapati bahawa kesemua murid tidak fasih berbahasa Melayu tetapi fasih berbahasa Temuan. Kesemua mereka menggunakan BT dalam sesi perbincangan ketika PdP BM dijalankan.

**Jadual 3** Aspek-aspek ekstralinguistik dalam kalangan murid-murid Tahun 3 Sekolah Rendah Kebangsaan Tekir, Labu, Negeri Sembilan

Bil.	Jantina	Keturunan Bapa	Keturunan Ibu	BM	BT	Bahasa Sesi Perbincangan
1	P	T	T	F	F	CMT
2	P	T	T	F	F	CMT
3	L	T	T	TF	F	BT
4	L	T	T	TF	F	BT

Seramai 4 daripada 5 orang murid atau 80% daripada populasi murid di Tahun 3 dipilih untuk menjawab soalan di dalam borang soal selidik. Didapati bahawa 2 orang murid perempuan fasih di dalam kedua-dua bahasa dan melakukan campur kod antara BM dan BT dalam sesi perbincangan ketika PdP BM dijalankan. Selain itu, 2 orang murid lelaki yang tidak fasih berbahasa Melayu tetapi fasih berbahasa Temuan pula didapati menggunakan BT dalam sesi perbincangan ketika PdP BM dijalankan. Dapatan ini selari dengan murid lelaki di Tahun 5 yang menggunakan BT kerana tidak fasih berbahasa Melayu dalam sesi perbincangan.

**Jadual 4** Aspek-aspek ekstralinguistik dalam kalangan murid-murid Tahun 4 Sekolah Rendah Kebangsaan Tekir, Labu, Negeri Sembilan

Bil	Jantina	Keturunan Bapa	Keturunan Ibu	BM	BT	Bahasa Sesi Perbincangan
1	P	T	T	F	F	CMT
2	L	T	T	F	F	CMT
3	L	T	T	F	F	CMT
4	P	T	T	F	F	CMT

Seramai 4 daripada 5 orang murid atau 80 % daripada populasi murid di Tahun 4 dipilih untuk menjawab soalan di dalam borang soal selidik. Didapati bahawa kesemua murid yang dipilih fasih di dalam BM dan BT dan melakukan campur kod antara kedua-dua bahasa dalam sesi perbincangan ketika PdP BM dijalankan.

**Jadual 5** Aspek-aspek ekstralinguistik dalam kalangan murid-murid Tahun 5 Sekolah Rendah Kebangsaan Tekir, Labu, Negeri Sembilan

Bil.	Jantina	Keturunan Bapa	Keturunan Ibu	BM	BT	Bahasa Sesi Perbincangan
1	P	T	T	TF	F	CMT
2	L	T	T	TF	F	BT
3	P	T	T	TF	F	CMT
4	L	T	T	F	F	CMT
5	L	T	T	F	F	CMT
6	P	T	T	F	F	CMT

Seramai 6 daripada 13 orang murid atau 46 % daripada populasi murid di Tahun 5 dipilih untuk menjawab soalan di dalam borang soal selidik. Didapati hanya seorang murid lelaki yang tidak fasih berbahasa Melayu menggunakan BT ketika sesi perbincangan dalam PdP BM. Seorang murid perempuan yang juga tidak fasih berbahasa Melayu didapati melakukan campur kod di antara kedua-dua bahasa tersebut. Perkara ini menunjukkan bahawa, faktor jantina, iaitu murid perempuan yang gemar bertutur

berbanding murid lelaki menyebabkannya melakukan campur kod walaupun tidak fasih berbahasa Melayu.

**Jadual 6** Aspek-aspek ekstralinguistik dalam kalangan murid-murid Tahun 6 Sekolah Rendah Kebangsaan Tekir, Labu, Negeri Sembilan

Bil.	Jantina	Keturunan Bapa	Keturunan Ibu	BM	BT	Bhs. Sesi Perbincangan
1	P	Semelai	T	TF	F	CMT
2	L	T	T	F	F	CMT
3	P	T	T	F	F	CMT
4	P	T	T Sisik	F	F	CMT
5	L	T	T	F	F	CMT
6	L	T	T	TF	F	CMT

Seramai 6 orang daripada 11 orang murid atau 55 % daripada populasi murid di Tahun 6 dipilih untuk menjawab soalan di dalam borang soal selidik. Didapati bahawa semua murid melakukan campur kod antara BM dan BT dalam sesi perbincangan termasuk seorang murid perempuan yang bapanya berketurunan Semelai dan tidak fasih berbahasa Melayu dan seorang murid lelaki yang tidak fasih berbahasa Melayu.

Jumlah dan peratusan murid yang berbeza dalam proses pengumpulan data dengan borang soal selidik berlaku kerana masalah ketidakhadiran murid yang tinggi ke sekolah. Oleh itu pengkaji menghadapi masalah mengumpulkan data soal selidik untuk semua murid di Sekolah Rendah Kebangsaan Tekir, Labu Seremban, Negeri Sembilan. Walaupun demikian, data daripada borang soal selidik untuk seramai 24 orang murid di Tahun 2 hingga 6 adalah memadai untuk menggambarkan aspek-aspek ekstralinguistik yang mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan murid-murid suku kaum asli Temuan di sekolah tersebut.

## PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Data yang dikumpulkan melalui kaedah rakaman spontan dan catatan menunjukkan bahawa terdapat tiga pengaruh bahasa ibunda dalam pertuturan murid, iaitu yang pertama ialah kelainan bunyi yang wujud disebabkan proses penambahan huruf /k/, /h/ dan /n/ untuk perkataan akuk (aku), manipuh (menipu) dan sinin (sini), proses pengguguran seperti pengguguran /r/ dalam perkataan piak (perak) dan /b/ dalam perkataan lemik (lembik) dan lemut (lembut) serta proses penggantian huruf seperti /a/ kepada /e/ untuk meken (makan), /u/ kepada /o/ untuk malo, /r/ kepada /k/ untuk bibik (bibir), /r/ kepada /g/ untuk mengayau (merayau) dan /e/ kepada /a/ untuk pades (pedas).

Pengaruh bahasa Ibunda yang kedua ialah unsur dialek / bahasa lain seperti bahasa Indonesia untuk perkataan sangat (sangat), ngak (tidak) dan kabarkan (beritahu), dialek Sarawak untuk perkataan kamek (kami), bahasa Inggeris untuk perkataan mikropon (menyanyi – microphone) dan budosa (bulldozer), bahasa Cina untuk perkataan chincai dan bahasa Melayu untuk perkataan buku hiburan (majalah hiburan).

Pengaruh bahasa yang ketiga pula ialah campur kod di antara bahasa Temuan dan bahasa Melayu pada peringkat perkataan dan frasa. Antara contoh-contoh perkataan yang sering dicampurkan dalam pertuturan murid-murid Temuan adalah kata nama seperti inak (ibu saudara) kata ganti nama diri seperti o-ong (kamu), awang (awak) dan gedin (mereka), kata penunjuk, iaitu nehe (ini) dan kata kerja seperti tayau (mabuk) dan kata adjektif seperti kesing (keras). Bentuk frasa yang dicampurkan dalam pertuturan murid-murid Temuan pula adalah frasa kerja seperti malia teki, ngap apai, bi hiang, muhaie siklah, getting nehe hap dah semuak dan frasa adjektif, iaitu badan kemper berkoit.

Aspek-aspek ekstralinguistik yang mempengaruhi penggunaan bahasa ibunda di dalam pertuturan murid-murid Temuan pula ialah umur, jantina, kumpulan etnik dan kefasihan murid-murid berbahasa Melayu. Murid-murid yang lebih rendah umur mereka atau yang berada di Tahun 2 dan 3 dikenal pasti tidak fasih berbahasa Melayu dan menggunakan BT dalam sesi perbincangan ketika PdP BM dijalankan. Murid-murid di Tahun 4, 5 dan 6 pula kebanyakannya fasih berbahasa Melayu dan menggunakan CMT apabila berbincang. Dua orang murid yang tidak fasih berbahasa Melayu di Tahun 6 didapati turut menggunakan CMT ketika berbincang, tetapi seorang murid lelaki di Tahun 5 yang tidak fasih berbahasa Melayu didapati menggunakan BT kerana sikap pendiam dan tidak gemar bertutur dalam bahasa Melayu. Dapatan ini selari dengan 2 orang murid lelaki di Tahun 3 yang tidak fasih berbahasa Melayu dan menggunakan BT dalam perbincangan. Dapatan ini menunjukkan murid lelaki yang tidak fasih berbahasa Melayu tidak gemar melakukan campur kod BM berbanding dengan murid perempuan.

## **RUMUSAN**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, pengaruh bahasa ibunda amat ketara dalam pertuturan murid-murid asli suku kaum Temuan ketika pembelajaran Bahasa Melayu. Rata-rata murid-murid ini didapati menunjukkan pengaruh bahasa Temuan dari segi kelainan bunyi sebutan, unsur dialek Sarawak, bahasa Indonesia dan bahasa Cina serta campur kod antara bahasa Temuan dan bahasa Melayu. Pengaruh bahasa ibunda dalam pertuturan murid-murid asli suku kaum Temuan ini juga didapati berlaku disebabkan oleh aspek-aspek ekstralinguistik, iaitu umur, jantina, kumpulan etnik dan kefasihan murid-murid ini berbahasa Melayu.

## **PENGHARGAAN**

Penghargaan diberikan kepada Geran KTP RIGS SDG 2022 (KTP-RIGS22-061-0061), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia kerana membiayai penyelidikan ini dalam mengenal pasti pengaruh bahasa ibunda dalam pertuturan murid asli suku Temuan ketika belajar bahasa Melayu, dan penghargaan juga diberikan kepada pihak pengurusan, guru-guru dan murid-murid di Sekolah Rendah Kebangsaan Tekir, Labu, Negeri Sembilan di atas maklum balas dan sokongan yang diberikan sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

## RUJUKAN

- Appel, R dan Muysken, P. (1987). *Language contact and bilingualism*. New York: A Division of Hodder and Stoughton.
- Asmah Haji Omar. (1992). *The linguistic scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bokamba, Eyamba G. 1987. The significance of code switching to linguistic theory: Evidence from Bantu languages. *Studies in the Sciences*, 17(2).
- Cozen, P. 1996. Code choice, domain configurations. code mixing and code-switching: A study of language use in the Brigade of Gurkhas in Hong Kong. [http://www.les.aston.ac.uk/isu/sub & mh.html](http://www.les.aston.ac.uk/isu/sub&mh.html).
- Dentan, R. K. and Endicott, K. & Gomes, A. G. and Hooker, M. B. (1997). *Malaysia and the original people: A case study of the impact of development on indigenous people*. Ed. David Maybury – Lewis & Macdonald Theodore. Allyn and Bacon. Massachusetts.
- Haizah Bukari dan Norazana Awang Kechik. (2022). Pengaruh bahasa ibunda terhadap kemahiran bertutur dalam kalangan murid India di sebuah sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1). Universiti Kebangsaan Malaysia Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), (2022). Bilangan Penduduk Orang Asli Mengikut Etnik. <https://www.data.gov.my/data/dataset/e004c743-0592-4665-b8ea-e7cc297fda3b/resource/2845394c-0e37-4b46-841a-d982b0ddf7ee/download> pendudukoasubetnikjun-2018.xlsx.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Linamalini Mat Nafi dan Kamarul Shukri Mat Teh. (2022). Strategi pembelajaran bahasa: satu pengenalan konsep dan model. Portal Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). <https://www.kias.edu.my/strategi-pembelajaran-bahasa-satu-pengenalan-konsep-dan-model/>.
- Muhammad Haziq Mohd Rohir dan Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2020). Pemuliharaan Jerat Sembat Orang Asli Suku Temuandi Kampung Gapam, Jasin, Melaka. *Jurnal Melayu Isu Khas* Disember 2020. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

## LAMPIRAN 1

**BORANG SOAL SELIDIK PENGARUH BAHASA IBUNDA DALAM  
PERTUTURAN MURID-MURID SUKU KAUM ASLI TEMUAN DI SEKOLAH  
RENDAH KEBANGSAAN TEKIR, LABU, NEGERI SEMBILAN.**

**ARAHAN:** 1. Borang ini perlu diisi oleh murid-murid **Tahun 2 hingga 6**  
2. Borang soal selidik ini mengandungi **dua** bahagian seperti yang berikut:

**Bahagian A:** Biodata Murid

**Bahagian B:** Soalan berkaitan bahasa yang digunakan oleh murid apabila bertutur dengan guru, rakan sebaya dan di rumah.

**BAHAGIAN A**

1. Nama Murid : \_\_\_\_\_
  
2. Umur : \_\_\_\_\_
  
3. Jantina : \_\_\_\_\_
  
4. Tahun : \_\_\_\_\_
  
5. Agama : \_\_\_\_\_
  
6. Keturunan  
Bapa : \_\_\_\_\_  
Ibu : \_\_\_\_\_
  
7. Negeri Asal  
Bapa : \_\_\_\_\_  
Ibu : \_\_\_\_\_
  
8. Tulisan: Lancar / Tidak Lancar
  
9. Pertuturan : Bahasa Melayu : Fasih / Tidak Fasih  
Bahasa Temuan : Fasih / Tidak Fasih

**BAHAGIAN B**

Untuk bahagian ini, sila lihat simbol jawapan yang disenarai di bawah ini:

- a. Campuran bahasa Melayu dan bahasa Temuan – CMT**
- b. Campuran bahasa Melayu, bahasa Temuan dan bahasa Inggeris – CMTI**
- c. Campuran bahasa Temuan dan dialek suku kaum asli yang lain (nyatakan) – CTDSA**
- d. Bahasa Temuan sahaja – BT**
- e. Bahasa Melayu sahaja – BM**
- f. Dialek suku kaum asli yang lain sahaja (nyatakan) - DSA**

1. Nyatakan bahasa pertuturan murid di rumah.

---

2. Nyatakan bahasa yang digunakan oleh murid ketika berbual dengan rakan-rakan disekolah.

---

3. Nyatakan bahasa yang digunakan oleh murid ketika bertanya soalan kepada guru dalam pembelajaran bahasa Melayu.

---

4. Nyatakan bahasa yang digemari murid ketika sesi perbincangan diadakan dalam pembelajaran bahasa Melayu.

---

5. Nyatakan bahasa yang digunakan oleh murid ketika menjawab soalan guru.

---

**SEKIAN**

**TERIMA KASIH KERANA MEMBERI KERJASAMA**



LAMPIRAN 2



**Gambar 1** Lokasi Sekolah Rendah Kebangsaan Tekir  
*Sumber* : <http://www.malaysia.maps.com>



**Gambar 2** Sekolah Rendah Kebangsaan Tekir  
*Sumber*: Pengkaji



**Gambar 3** Murid-Murid Sekolah Rendah Kebangsaan Tekir  
*Sumber:* Pengkaji